MOUNT PLEASURE CORPORATION SDN BHD

lwn.

GALAXY POINT SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PENANG
TEE AH SING H
[GUAMAN SIVIL NO: 22-380-2000]
8 MAC 2001

PROSEDUR SIVIL: *Penggantungan prosiding - Permohonan - Permohonan untuk penggantungan prosiding sehingga rayuan ke Mahkamah Rayuan diputuskan - Samada s. 73 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 terpakai memandangkan rayuan belum difailkan lagi - Samada A. 92 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 terpakai memandangkan s. 73 Akta tersebut berkenaan undang-undang substantif*

PROSEDUR SIVIL: *Tindakan - Permohonan untuk penggantungan prosiding sehingga rayuan ke Mahkamah Rayuan diputuskan - Samada s. 73 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 terpakai memandangkan rayuan belum difailkan lagi - Samada A. 92 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 terpakai memandangkan s. 73 Akta tersebut berkenaan undang-undang substantif*

Plaintif memohon untuk satu perintah melanjutkan tempoh masa mengekalkan "*status quo*" yang telah diberikan oleh mahkamah sebelum ini, sehingga rayuan plaintif ke Mahkamah Rayuan diputuskan di bawah s. 73 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('Akta tersebut') dan A. 92 k. 4 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT').

Defendan membangkitkan bantahan awal, *inter alia*, bahawa: (1) sehingga hari pendengaran permohonan ini tidak ada notis rayuan yang disampaikan kepada defendan; dan (2) tidak ada apa-apa prosiding untuk digantungkan memandangkan mahkamah telah menolak tuntutan plaintif.

Diputuskan:

[1] Mengikut s. 73 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, adalah jelas bahawa sesuatu rayuan mesti difailkan dengan Mahkamah Rayuan terlebih dahulu sebelum sesuatu permohonan untuk penggantungan pelaksanaan atau prosiding di bawah keputusan yang dirayukan boleh dibuat.

[1a] Di dalam afidavit sokongan permohonan ini tidak dinyatakan bahawa notis rayuan telah difailkan dengan Mahkamah Rayuan sebelum permohonan ini difailkan. Oleh yang demikian mahkamah berpendapat bahawa s. 73 Akta tersebut tidak boleh dipakai oleh kerana pemfailan permohonan ini adalah pramasa. Sekiranya notis rayuan telah difailkan selepas pemfailan permohonan ini, ianya tidak boleh membaiki keadaan pramasa ini.

[2] Berdasarkan kes *R Rama Chandran v. The Industrial Court of Malaysia & Anor*, mahkamah berpendapat bahawa oleh kerana ada "substantive law" di bawah s. 73 Akta tersebut berkenaan penggantungan pelaksanaan atau prosiding di bawah keputusan yang dirayukan, maka kuasa sedia ada mahkamah di bawah A. 92 k. 4 KMT tidak boleh di pakai untuk membolehkan mahkamah mendengar permohonan ini. Ini adalah kerana A. 94 k. 4 bukanlah undang-undang substantif.

[3] Oleh kerana s. 6 jadual kepada Akta tersebut tidak diplidkan dalam affidavit sokongan plaintiff, maka seksyen tersebut tidak boleh dipakai.

[Bantahan awal dibenarkan; permohonan plaintif ditolak dengan kos kepada defendan.]

Kes-kes yang dirujuk:
R Rama Chandran v. Industrial Court of Malaysia & Anor [1997] 1 CLJ 147 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, ss. 6, 73
Rules of the High Court 1980, O. 92 r. 4

Bagi pihak plaintif - Mohd Harris Abdullah (M Suppiah bersama-samanya); T/n Mohd Harris, Mohan & Partners
Bagi pihak defendan - Anoop Singh; T/n Anoop & See

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Tee Ah Sing H:

Ini adalah suatu permohonan melalui saman dalam kamar (kandungan 23) oleh plaintif untuk, di antara lain, satu perintah bahawa perintah yang diperbuat oleh Mahkamah Yang Mulia ini pada 12 Februari 2001 atas permohonan lisan oleh plaintif yang membenarkan '*status quo*' dikekalkan

sehingga permohonan ini dibuat dilanjutkan tempohnya sehingga rayuan yang akan/telah dibuat oleh plaintif ke Mahkamah Rayuan diputuskan di bawah s. 73 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ("Akta tersebut") dan A. 92 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ("KMT").

Pada tarikh pendengaran peguam defendan telah membangkitkan bantahan awal tentang permohonan ini. Beliau berhujah bahawa sehingga hari pendengaran tidak ada notis rayuan disampaikan kepada defendan. Peguam plaintif telah menjawab berkenaan dengan pemfailan notis rayuan plaintif mempunyai tempoh 30 hari dari tarikh keputusan iaitu 12 Februari 2001. Maka plaintif mempunyai tempoh hingga sekurang-kurangnya 11 Mac 2001 untuk failkan notis.

Peguam defendan menghujah dalam afidavit sokongan plaintif (kandungan 24) tiada apa-apa yang menyatakan rayuan telah difailkan. Tidak ada keputusan yang dirayu di bawah s. 73 Akta tersebut. Atas alasan ini sahaja permohonan plaintif harus ditolak.

Berkenaan dengan A. 92 k. 4 KMT peguam defendan berhujah bahawa peruntukan itu terpakai kepada prosiding sedia ada. Tetapi dalam kes hari ini mahkamah telah membuat keputusan akhir. Yang demikian A. 92 k. 4 tidak terpakai.

Juga tidak ada apa-apa dakwaan dalam afidavit plaintif untuk mengatakan ketidakadilan atau pun penyalahgunaan proses mahkamah dan A. 92 k. 4 tidak terpakai.

Bantahan kedua peguam defendan adalah prayer yang tidak mengatakan 'stay of execution' atau 'Erinford injunction'. Beliau berhujah tiada ada apa-apa peruntukkan khas untuk mengekalkan untuk *'status quo'* sahaja. Di dalam kes ini mahkamah telah menolak tuntutan plaintif dan dalam ertikata 'there is nothing to be stayed'. Oleh yang demikian, permohonan plaintif harus ditolak atau dibatalkan tanpa apa pendengaran 'merits'nya.

Peguam plaintif berhujah notis rayuan sedang difailkan. Plaintif diberi 30 hari untuk memfailkan dan 30 hari belum luput. Maka permohonan ini bukannya 'premature'.

Aturan 92 k. 4 tidak menyatakan peruntukan tersebut hanya digunapakai dalam prosiding yang sedia ada.

Aturan 92 k. 4 yang memberi kuasa kepada mahkamah atau pun meluaskan kuasa mahkamah agar mahkamah boleh membuat perintah supaya tidak berlaku ketidakadilan. Permohonan plaintif bukan menyalahguna proses mahkamah sebab permohonan dibuat berdasarkan arahan daripada Yang Arif Hakim perbicaraan semasa permohonan lisan plaintif pada 12 Februari

2001. Permohonan plaintif adalah untuk mengekalkan '*status quo*'. Seksyen 6 dalam Jadual kepada Akta tersebut memberi kuasa terbuka kepada Mahkamah tetapi tiada diplidkan dalam afidavit plaintif. Namun demikian seksyen ini adalah relevan disebabkan bantahan awal defendan.

Peguam defendan dalam jawapannya berhujah s. 6 Jadual kepada Akta tersebut tidak dinyatakan dalam saman dalam kamar, maka s. 6 tersebut tidak terpakai. Tuntutan plaintif telah ditolak dengan kos. Oleh yang demikian, tiada apa-apa untuk digantung.

Sekarang saya menimbang bantahan awal yang telah dibangkitkan.

Seksyen 73 Akta tersebut berbunyi:

> An appeal shall not operate as a stay of execution or of proceedings under the decision appealed from unless the court below or the Court of Appeal so orders and no intermediate act or proceeding shall be invalidated except as far as the Court of Appeal may direct.

Adalah jelas bahawa sesuatu rayuan mesti difailkan dengan Mahkamah Rayuan terlebih dahulu sebelum sesuatu permohonan untuk penggantungan pelaksanaan atau prosiding di bawah keputusan yang dirayukan boleh dibuat.

Di dalam afidavit sokongan (kandungan 24) tidak dinyatakan bahawa notis rayuan telah difailkan dengan Mahkamah Rayuan sebelum permohonan saman dalam kamar (kandungan 23) difailkan. Oleh yang demikian saya berpendapat s. 73 Akta tersebut tidak boleh dipakai kerana pemfailan saman dalam kamar ini adalah pramasa (premature). Sekiranya notis rayuan telah difailkan selepas tarikh pemfailan saman dalam kamar ianya tidak boleh membaiki keadaan pramasa ini.

Sekarang saya merujuk kepada A. 92 k. 4 KMT yang dinyatakan dalam saman dalam kamar untuk satu perintah bahawa perintah yang diperbuat oleh mahkamah pada 12 Februari 2001 yang membenarkan '*status quo*' dikekalkan sehingga permohonan ini dibuat dilanjutkan tempohnya sehingga rayuan yang akan/telah dibuat oleh plaintif ke Mahkamah Rayuan diputuskan.

Aturan 92 k. 4 KMT berbunyi:

> For the removal of doubts, it is hereby declared that nothing in these rules shall be deemed to limit or affect the inherent powers of the High Court to make any order as may be necessary to prevent an abuse of the process of the court.

Di dalam kes *R Rama Chandran v. The Industrial Court of Malaysia & Anor*. [1997] 1 CLJ 147 Yang Arif Edgar Joseph Jr, HMP dims 212 hingga 213 berkata:

> The next topic to be logically considered in this context, is the status of the Rules of the High Court 1980.
>
> By s. 17(1) of the Courts of Judicature Act 1964, powers are conferred upon the Rules Committee to make 'rules of court' **for the purpose of regulating and prescribing the practice and procedure** to be followed in the respective courts for which each of them is constituted **but** within the strict limits defined by s. 16.
>
> The **most decisive limitation** placed on the powers of the Rules Committee, and indeed on other rule-making authorities, is that they extend to regulating the 'practice and procedure' of the High Court and other courts for which the Rules are made. Although these powers are wide, yet it cannot be gainsaid, that they do not extend into the area of **substantive law**. Clearly, there is a **vital distinction** made between, on the one hand, substantive law, the function of which is to define, create, confer or impose legal rights and duties, and on the other hand, procedural law, the function of which is to provide the machinery, the manner or means, by recourse to which legal rights and duties may be enforced or recognized by courts of law or any other tribunal seized with jurisdiction to adjudicate on a dispute before it.
>
> I am fortified in the view I take regarding the legal status of the Rules of the High Court 1980 by the following passages in *37 Halsbury's Laws* (4th Edn) para 10:
>
> > The Rules of the Supreme Court are, a form of delegated or subordinate legislation, and the Supreme Court Rules Committee is empowered to make rules only within the strict limits defined by statute, whether contained in the Supreme Court Act 1981 or any other Act. The overriding limitation on the powers of the rule committee to make rules is that they must be confined to regulating and prescribing the practice and procedure to be followed in the Supreme Court, and they must **not** therefore extend into the area of substantive law. There is thus at the outset a vital and essential distinction between substantive law and procedural law. The function of substantive law is to define, create or confer substantive legal rights or legal status or to impose and define the nature and extent of legal duties. Everyone is entitled to enjoy such legal rights or status but equally is liable to perform or comply with his legal duties. The function of practice and procedure is to provide the machinery or the manner in which legal rights or status and legal duties may be enforced or recognized by a court of law or other recognized or properly constituted tribunal ...

And, touching on the function of the Rules of the Supreme Court, *Halsbury* states:

> ... their function is to regulate the machinery of litigation; they cannot confer to take away or alter or diminish any existing jurisdiction or any existing rights or duties. Since they are procedural in character and effect, they cannot enable an action to be brought which could not otherwise have been brought.

Berdasarkan kes *R Rama Chandran v. The Industrial Court of Malaysia & Anor (supra)* dims 212 hingga 213 justeru itu saya berpendapat oleh kerana ada 'substantive law' di bawah s. 73 Akta tersebut berkenaan penggantungan pelaksanaan atau prosiding di bawah keputusan yang dirayukan, maka 'the inherent powers of the court' di bawah A. 92 k. 4 KMT tidak boleh dipakai untuk membolehkan mahkamah mendengar saman dalam kamar ini disebabkan A. 92 k. 4 KMT bukanlah 'substantive law'.

Saya bersetuju dengan peguam defendan oleh kerana s. 6 Jadual kepada Akta tersebut tidak dinyatakan dalam saman dalam kamar, maka s. 6 tidak boleh dipakai untuk membolehkan mahkamah mendengar saman dalam kamar.

Berdasarkan kepada alasan-alasan yang tersebut di atas, saya menerima bantahan awal defendan. Oleh yang demikian, saya membatalkan saman dalam kamar (kandungan 23) dengan kos kepada defendan.